



## **BADAN BERTINDAK IMUNISASI COVID-19**

### **COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)**

---

### **KENYATAAN BALAS KEPADA YB KETUA PEMBANGKANG BERKAITAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)**

---

Saya mengambil maklum serta berterima kasih di atas kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah membangkitkan beberapa persoalan berkenaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Persoalan pertama yang telah dibangkitkan adalah berkenaan pendaftaran vaksinasi yang tidak lengkap oleh sebanyak 1.4 juta orang pengguna. Perkara ini telah saya nyatakan dalam sidang media pada tengah hari semalam yang mana saya telah turut memaklumkan bahawa SMS akan dihantar kepada pengguna-pengguna ini untuk meminta agar melengkapkan penilaian vaksinasi bagi membolehkan maklumat temujanji diberikan kepada mereka.

Berkenaan pendaftaran berkali-kali pula, seperti mana yang saya telah nyatakan, MySejahtera sememangnya mempunyai rekod ketika pendaftaran vaksinasi ketika kali pertama dibuat, justeru pengguna sebenarnya tidak perlu membuat pendaftaran berulang. Ini terbukti apabila *user interface* baharu yang dikeluarkan pada Sabtu lalu telah menunjukkan tarikh pengguna membuat pendaftaran pada kali pertama.

Manakala bagi program-program kesedaran bagi melawan kumpulan anti-vaksin serta memberi keyakinan kepada orang ramai, ini sememangnya telah banyak kali dilakukan bukan sahaja oleh saya malah juga banyak pihak lain

seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama Islam) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Siri-siri penerangan telah dilaksanakan di pelbagai platform sama ada di media massa, media cetak maupun media sosial. Program bantuan outreach juga pada ketika ini sedang berjalan di seluruh negara bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan vaksin ini.

Bagi persoalan berkenaan perolehan vaksin pula, kerajaan masih terikat dengan '*non-disclosure agreement*' yang dimeterai bersama syarikat pengeluar vaksin. Walau bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Dato' Sri Dr. Adham Baba, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah serta saya pada 5 Januari 2021 telahpun membentangkan maklumat serta perincian lanjut berkenaan perkara ini kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia. Butiran serta kertas perjanjian juga telah ditunjukkan kepada PAC. PAC menerusi kenyataan Pengerusinya yang juga Ahli Parlimen Ipoh Timor dari parti DAP telah menyatakan bahawa PAC berpuas hati dengan pembentangan dan tatacara perolehahan vaksin COVID-19. Terdapat juga wakil PKR dalam PAC.

Ketua Pembangkang juga turut membuat andaian bahawa kerajaan tidak memberi perhatian terhadap vaksin daripada negara Rusia iaitu Sputnik V. Ini adalah tidak benar memandangkan vaksin Sputnik V sememangnya terdapat di dalam portfolio pembelian vaksin COVID-19 negara dan ketika ini sedang dalam penilaian Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi tujuan kelulusan dan pendaftaran.

Ketua Pembangkang juga turut membangkitkan persoalan berkenaan penglibatan penyelidik tempatan dalam pembangunan vaksin. Suka saya maklumkan bahawa MOSTI telah membiayai R&D vaksin tempatan bagi penyakit COVID-19 menerusi MOSTI Combating COVID-19 Fund (MCCOF) kepada dua kumpulan penyelidik iaitu dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Namun pada masa yang sama, kita juga mengakui

bahawa Malaysia tidak mempunyai fasiliti lengkap pembuatan vaksin. Justeru, dalam rundingan pembelian vaksin COVID-19 dengan beberapa pembekal, kerajaan telah memasukkan elemen nilai tambah bagi membolehkan Malaysia membangunkan kapasiti pembangunan vaksin dalam negara pada masa hadapan. Maklumat berkenaan nilai tambah ini dimuatkan dalam buku panduan PICK yang boleh dimuat turun di laman sesawang [www.vaksincovid.gov.my](http://www.vaksincovid.gov.my).

Maklumat lanjut berkenaan PICK akan saya bentangkan di dalam sesi taklimat kepada Ahli Parlimen yang akan diadakan tidak lama lagi. Surat jemputan kepada Ahli Parlimen juga telahpun dihantar dan saya berharap Ketua Pembangkang serta Ahli Parlimen pembangkang yang lain dapat hadir ketika sesi taklimat itu nanti.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang telah menyatakan komitmen pihak pembangkang untuk menyokong PICK ini. Sebagai mana yang dinyatakan sebelum ini, PICK hanya akan berjaya sekiranya mendapat sokongan serta kerjasama oleh semua pihak menerusi pendekatan *whole-of-society*.

### **Lindung Diri, Lindung Semua**

**KHAIRY JAMALUDDIN**

**Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan**

**16 Mac 2021**